

Nama: _____ Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 5/2004
1 Jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004

BAHASA MELAYU
Ujian Pemahaman
Satu jam

Arahan Am:

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca laporan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Kelab Keselamatan Jalan Raya Sekolah Kebangsaan Taman Delima

Guru-Guru Pembimbing : 1. Puan Alina Hassan
 2. Encik Hashim Mustafa
 3. Encik Muzafar Ismail

Ahli Jawatankuasa : Pengerusi : Amir Hamzah Zainudin
 Naib Pengerusi : Tey Mei Chin
 Setiausaha : Intan Munirah Zakaria
 Bendahari : Farah Atirah Manaf

Kelab Keselamatan Jalan Raya adalah penting untuk mendidik para pelajar sekolah khususnya dari peringkat sekolah rendah lagi bagi menyemai sikap yang baik, sebagai pengguna jalan raya. Pendedahan mengenai peraturan jalan raya, maksud lambang-lambang di jalan raya serta sikap bertimbang rasa, bertanggungjawab, dan berdisiplin adalah selaras dengan kempen 'Berhati-hati di Jalan Raya'. Oleh itu adalah diharapkan para pelajar yang dididik akan menjadi pengguna jalan raya yang **berhemat**.

Beberapa aktiviti kelab telah dijalankan sepanjang tahun ini. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah;

- a) Mengenal lambang-lambang di jalan raya.
Aktiviti ini melibatkan ahli-ahli kelab sahaja. Dijalankan pada sebelah petang waktu kegiatan kokurikulum.
- b) Melukis poster berkaitan dengan keselamatan jalan raya.
Pertandingan ini terbuka kepada semua murid Tahap Dua.
- c) Sesi perbincangan mengenai keselamatan di jalan raya.
Dua orang ahli panel telah dijemput untuk mengendalikan program ini. Program ini melibatkan semua murid.
- d) Pertandingan kuiz mengenai keselamatan di jalan raya.
Pertandingan ini hanya terbuka kepada ahli kelab sahaja.
- e) Pameran tentang keselamatan di jalan raya.
Pameran ini dibuka juga kepada ibu bapa dan penduduk sekitar taman ini.

Selain itu, kelab ini juga telah menyertai pertandingan lalu lintas peringkat negeri dan berjaya mendapat tempat kedua. Peserta terdiri daripada ahli kelab. Akhir kata, semoga kelab ini akan terus berjaya dalam aktiviti-aktivitinya. Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,
Intan Munirah

16 JANUARI 2004

.....
(INTAN MUNIRAH ZAKARIA)
Setiausaha,
Kelab Keselamatan Jalan Raya.

- 1 Laporan Kelab Keselamatan Jalan Raya Sekolah Kebangsaan Taman Delima ini disediakan oleh...
- A Puan Alina Hassan
 - B Amir Hamzah Zainudin
 - C Intan Munirah Zakaria
 - D Farah Atirah Manaf
- 2 Urusan kewangan kelab diuruskan oleh...
- A Amir Hamzah Zainudin
 - B Tey Mei Chin
 - C Intan Munirah Zakaria
 - D Farah Atirah Manaf
- 3 Berapakah aktiviti Kelab Keselamatan Jalan Raya yang hanya melibatkan ahli kelab sahaja?
- A dua aktiviti
 - B lima aktiviti
 - C tiga aktiviti
 - D enam aktiviti
- 4 Perkataan **berhemat** dalam petikan di atas bermaksud...
- A berhati-hati.
 - B berjimat.
 - C bersungguh-sungguh.
 - D bertolak ansur
- 5 Yang berikut merupakan peserta yang layak menyertai pertandingan melukis poster, **kecuali**...
- A Baizura, murid Tahun Lima.
 - B Ong Beng Hee, murid Tahun Tiga .
 - C Nirmala Devi, murid Tahun Enam.
 - D Aiman Shafik, murid Tahun Empat.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca puisi di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pergi ke pekan mencari bahan,
Penat berjalan duduk berehat;
Ingatlah kawan menjaga kebersihan,
Badan kuat sentiasa sihat.

Biar rapat seperti belangkas,
Dapat selalu bergurau senda;
Badan sihat otak cergas,
Hidup sejahtera penyakit tiada.

Pergi ke pekan menjual halia,
Mengumpul rezeki agar berguna;
Orang berilmu hidupnya mulia,
Di sanjung tinggi walau ke mana.

Berjalan pantas mencari dukun,
Berteduh sebentar di pohon redup;
Didik anakmu agar tekun,
Mencari ilmu bekalan hidup.

Anak muda rajin berusaha,
Membanting tulang usahlah jemu;
Usah dilupa orang tua,
Tanpa mereka siapalah kamu.

- 6 Rangkap pertama pantun di atas menyertuh persoalan berkaitan dengan...
persahabatan.
B jasa guru.
C kebersihan.
D kekeluargaan.
- 7 Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan?
A supaya menjadi orang yang berilmu
B supaya badan sihat dan kuat
C supaya kita disayangi orang
D supaya kita taat dan mendengar nasihat ibu bapa
- 8 Mengapakah orang berilmu hidupnya mulia?
A tidak akan mendapat penyakit
B mendapat keluarga yang bahagia
C akan disanjung walau ke mana dia pergi
D mendapat pekerjaan yang baik

9 Apakah sikap yang perlu ada pada kita dalam usaha mencari ilmu?

- A berani
- B bangga
- C tekun
- D gembira

10 Maksud **membanting tulang** dalam pantun di atas ialah...

- A bekerja keras.
- B meluangkan masa lapang.
- C berusaha untuk berseronok.
- D bekerja untuk menghabiskan masa lapang.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca perbualan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No. 43A, Jalan Kinta,
Kampung Sungai Tapah,
30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

16 Januari 2004.

Menemui saudara Zaidi yang kini berada di Kuala Kangsar dengan selamatnya.

Saudara,

Apa khabar saudara sekeluarga? Saya di sini sihat-sihat sahaja. Saya berharap agar saudara lebih-lebih lagi.

Pada awal Januari yang lalu, saya telah mengikuti suatu perkhemahan yang di adakan di tempat saudara. Perkhemahan selama empat hari itu telah berakhir pada 5 Januari 2004 yang lalu. Sebanyak 80 orang peserta dari seluruh negeri Perak telah menyertai program anjuran Jabatan Belia dan Sukan negeri Perak itu.

Pelbagai pengalaman yang telah saya tempuhi dan pasti tidak dapat saya lupakan. Pengalaman mendaki Bukit Larut merupakan kenangan paling manis buat saya kerana itulah pengalaman kali pertama saya mendaki bukit. Kami memulakan pendakian kira-kira pukul 7.00 pagi. Pada mulanya, sayalah orang yang terpantas mendaki bukit meninggalkan rakan-rakan peserta yang lain. Namun begitu, lama-kelamaan saya terasa penat.

Saya sangat lemah. Saya hampir-hampir berputus asa tetapi semangat yang kuat telah membantu saya sampai ke puncak bukit. Ketibaan saya disambut dengan tepukan gemuruh oleh peserta lain. Berbunga juga hati saya apabila mendengar pujian itu walaupun masa yang saya ambil untuk sampai di puncak bukit itu hampir empat jam, iaitu dua jam lewat daripada orang lain.

Setakat inilah sahaja buat kali ini. Sehingga kita bertemu lagi, sambutlah salam hormat daripada saya di Ipoh.

Yang benar,
Salim

- 11 Bilakah perkhemahan yang diikuti oleh penulis bermula?
A 1 Januari 2004
B 2 Januari 2004
C 3 Januari 2004
D 4 Januari 2004
- 13 Pada pukul berapakah penulis tiba di kemuncak Bukit Larut.?
A 9.00 pagi.
B 10.00 pagi.
C 11.00 pagi.
D 12.00 tengah hari.
- 13 Penulis menerima tepukan gemuruh daripada para peserta lain kerana...
A keazamannya yang tinggi dan tidak mudah berputus asa.
B dia dapat menyertai perkhemahan itu.
C merupakan peserta pertama tiba di puncak.
D dia berani mengharungi cabaran.
- 14 Sikap yang manakah yang paling sesuai dikaitkan dengan diri penulis?
A kuat dan berani
B jujur dan bertanggungjawab
C tabah dan bersemangat
D bijak dan rajin
- 15 Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
A Perkhemahan itu disertai oleh peserta-peserta dari seluruh negara.
B Penulis merupakan seorang yang tidak mudah patah semangat.
C Pengalaman mendaki bukit larut merupakan pengalaman paling manis buat penulis.
D Penulis mendapat pujian kerana berjaya menamatkan pendakian.

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca rencana di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Taman Pertanian Indera Mahkota yang diilhamkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang dibangunkan pada tahun 1997. Kawasan seluas 504 hektar ini mempunyai pelbagai komponen tanaman. Antaranya termasuklah dusun buah-buahan (37.04 hektar), arboretum (8.64 hektar), dan rempah-ratus (4 hektar).

Di samping itu, taman yang dibuka tiap-tiap hari ini menyediakan taman rekreasi (2.4 hektar), tapak perkhemahan (4 hektar), tapak ekspo (5.3 hektar) serta hutan lipur (24 hektar).

Di dusun buah-buahan terdapat pokok durian, rambutan, cempedak, manggis, ciku, limau, belimbing, duku langsung, kelapa pandan dan beberapa jenis pokok lain yang **mempunyai nilai komersial**. Pengunjung berpeluang menikmati hasil buah-buahan ini dengan bayaran yang berpatutan.

Kawasan arboretum pula memberikan pendedahan kepada pengunjung tentang pelbagai jenis pokok-pokok tradisional yang terdapat di negara ini. Tujuan kawasan ini dibangunkan ialah untuk mengekalkan spesies pokok yang hampir pupus. Antara pokok-pokok yang ditanam di kawasan ini termasuklah jering, kerdas, perah, asam gelugur, malinja, kundang, rambai, mencepu, lanjut, setol, dan tampoi.

Bagi mereka yang inginkan kedamaian dalam suasana nyaman alam semula jadi yang tidak tercemar, kawasan hutan lipur seluas 24 hektar di sekitar taman pertanian ini tentunya mencetuskan rasa cinta manusia kepada alamnya. Pelawat boleh menjalankan aktiviti menguji kekuatan mental dan fizikal di tapak perkhemahan yang disediakan. Kemudahan asas seperti khemah, dewan perhimpunan, surau, serta dewan makan ada disediakan. Dewan makan boleh menempatkan 200 orang dengan kadar bayaran RM2.50 bagi kanak-kanak sekolah dan RM5.00 untuk dewasa untuk satu malam.

16. Kawasan yang paling luas dalam Taman Pertanian Indera Mahkota ialah...

- A dusun buah-buahan .
- B arboretum.
- C taman rekreasi.
- D hutan lipur.

17. Rangkaian kata-kata **mempunyai nilai komersial** bermaksud...

- A bermutu tinggi.
- B enak rasanya dan disukai ramai.
- C mendapat sambutan di pasaran.
- D mudah ditanam dan dipelihara.

18. Pada pendapat anda, apakah faedah arboretum itu diwujudkan?
- A memudahkan orang ramai terutama golongan petani mempelajari cara-cara menanam pokok
 - B memberikan peluang kepada generasi muda mengenal jenis-jenis pokok yang kian lenyap
 - C menggalakkan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah semasa musim cuti sekolah
 - D menggaalakkan pengunjung menjalankan aktiviti menguji kekuatan mental dan fizikal
19. Berapakah bayaran yang dikenakan jika 20 orang kanak-kanak sekolah dan lima orang guru menggunakan kemudahan dewan makan untuk satu malam?
- A RM50
 - B RM75
 - C RM80
 - D RM100
20. Pilih pernyataan yang **tidak** benar tentang Taman Pertanian Indera Mahkota.
- A Taman ini telah mula dibangunkan kira-kira lima tahun yang lalu.
 - B Keseluruhan kawasan taman ini melebihi keluasan 500 hektar.
 - C Pengunjung boleh melawati taman ini pada hari minggu saja.
 - D Terdapat sekurang-kurangnya sepuluh jenis pokok buah-buahan di taman ini.

Soalan 21 hingga Soalan 30

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

21. Ayah Rahim membeli beberapa _____ kayu api untuk digunakan sewaktu kenduri kahwin.
- A. berkas
 - B. puntung
 - C. batang
 - D. bilah
22. Puan Jamilah menghiris se _____ bawang putih untuk ditumiskan.
- A. ketul
 - B. labu
 - C. buah
 - D. biji

23. Van itu _____ hingga ke bengkel kerana mengalami kerosakan enjin.
- A. dipapah
 - B. dipikul
 - C. diseret
 - D. ditunda
24. Setiap musuh yang datang akan ku _____ habis-habisan.
- A. tikam
 - B. tentang
 - C. bunuh
 - D. tubi
25. _____ pada pokok getah itu membolehkan susu getah dikeluarkan.
- A. Tetakan
 - B. Potongan
 - C. Torehan
 - D. Garisan
26. Kerugian akibat ribut taufan itu _____ berjumlah sejuta ringgit.
- A. ditafsirkan
 - B. diagakkan
 - C. ditaksirkan
 - D. dikirakan
27. Kesilapan yang dilakukan itu membawa padah kepadanya. _____ dia berjanji tidak akan mengulanginya lagi.
- A. Justeru itu
 - B. Walau bagaimanapun
 - C. Namun
 - D. Walaupun demikian
28. Penggunaan buku kerja dan buku rujukan amat penting. _____ penggunaannya dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi pelajaran.
- A. Oleh sebab itu
 - B. Oleh yang demikian
 - C. Lebih-lebih lagi
 - D. Walaupun

29. _____ Adam, _____ kawan baiknya Mohsin, tiada siapa yang tahu ke mana Yatim pergi.
- A. Walaupun...ataupun
 - B. Lagipun...mahupun
 - C. Baik...mahupun
 - D. Lagipun...ataupun
30. Bengkel itu _____ untuk pelajar sekolah ini, _____ dibuka untuk pelajar sekolah lain.
- A. bukan sahaja...tetapi juga
 - B. hanya...tetapi juga
 - C. tidak sahaja...namun
 - D. hanya...malahan

Soalan 31 dan Soalan 32

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.*

31. Syarifah berasa amat kekak berada dalam majlis itu.
- A. seram
 - B. canggung
 - C. sugul
 - D. kaku
32. Anak ayam itu menggelupur setelah dilanggar oleh sebuah lori.
- A. menggigil
 - B. meninggal
 - C. menggeletak
 - D. menggelepar

Soalan 33 dan Soalan 34

Pilih jawapan yang paling sesuai kepada soalan yang bergaris.

33. Mengapakah kita dilarang menghisap rokok?
- A. Di sini memang tempat larangan merokok.
 - B. Merokok membahayakan kesihatan perokok.
 - C. Pelajar tidak dibenarkan menghisap rokok.
 - D. Perokok perlulah berhenti merokok.

34. Bagaimanakah perasaan kamu apabila memenangi pertandingan ini?
- A. Saya sangat terharu kerana inilah pertama kali saya memenanginya.
 - B. Memang sudah saya jangkakan bahawa saya akan memenanginya.
 - C. Saya amat gembira kerana kamu telah memenanginya.
 - D. Sudah tentu saya akan mendapat hadiahnya.

Soalan 35 hingga Soalan 37

*Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca yang betul** .*

35.
 - A. "Wah! Besar sungguh rumah itu. Siapakah tuannya?" kata Amirul.
 - B. "Wah, Besar sungguh rumah itu! Siapakah tuannya?" kata Amirul.
 - C. "Wah, besar sungguh rumah itu ! Siapakah tuannya?" kata Amirul.
 - D. "Wah, besar sungguh rumah itu! Siapakah tuannya!" kata Amirul.
36.
 - A. "Pak cik, bagaimana sebenarnya pak cik mendapat kemalangan? Itulah sebabnya pak cik berada di hospital sekarang", jelas jururawat itu.
 - B. "Pak cik ! bagaimana sebenarnya pak cik mendapat kemalangan? Itulah sebabnya pak cik berada di hospital sekarang", jelas jururawat itu.
 - C. "Pak cik bagaimana? Sebenarnya pak cik mendapat kemalangan. Itulah sebabnya pak cik berada di hospital sekarang", jelas jururawat itu.
 - D. "Pak cik bagaimana? Sebenarnya pak cik mendapat kemalangan. Itulah sebabnya pak cik berada di hospital sekarang, jelas jururawat itu".
37.
 - A. Rahim, penyanyi yang dikenali ramai, menjalani proses rakaman album terbaru sejak sebulan lepas.
 - B. Rahim, penyanyi yang dikenali ramai menjalani proses rakaman album terbaru sejak sebulan lepas.
 - C. Rahim penyanyi yang dikenali ramai menjalani proses rakaman album terbaru sejak sebulan lepas.
 - D. Rahim, penyanyi yang dikenali ramai menjalani proses rakaman album terbaru, sejak sebulan lepas.

Soalan 38 hingga Soalan 40

*Pilih ayat yang **sama maksudnya dengan ayat yang bergaris** .*

38. "Wah, indahny pemandangan di sini!" kata Harun.
- A. Harun menerangkan keindahan pemandangan di situ.
 - B. Harun memuji keindahan pemandangan di sini dengan rasa kagum.
 - C. Keindahan pemandangan di situ dipuji dengan penuh bangganya oleh Harun.
 - D. Dengan rasa kagum, Harun memuji keindahan pemandangan di situ.

39. Puan Surina berleter sepanjang hari apabila melihat pokok-pokok bunganya musnah dipijak lembu.
- A. Apabila melihat pokok-pokok bunganya musnah, Puan Surina bersungut sepanjang hari dipijak lembu.
 - B. Puan Surina berleter apabila melihat pokok-pokok bunganya musnah dipijak lembu sepanjang hari.
 - C. Lembu berleter apabila pokok-pokok bunganya musnah dipijak Puan Surina sepanjang hari.
 - D. Sepanjang hari Puan Surina merungut kerana pokok-pokok bunganya binasa akibat dipijak lembu.
40. Encik Kasim mendermakan wang sebanyak lima ribu ringgit kepada tabung masjid.
- A. Wang sebanyak lima ribu ringgit didermakan oleh Encik Kasim kepada tabung masjid.
 - B. Tabung masjid mendermakan wang kepada Encik Kasim sebanyak lima ribu ringgit.
 - C. Wang sebanyak lima ribu ringgit tabung masjid didermakan daripada Encik Kasim
 - D. Tabung masjid mengeluarkan wang hasil derma daripada Encik Kasim sebanyak lima ribu ringgit.

Soalan 41 dan Soalan 42

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud bilangan banyak.

41. I. Rumahnya jauh berbatu-batu ke arah selatan.
II. Emak menghidangkan kuih-muih kepada tetamu.
III. Susunkan pinggan-mangkuk di atas rak itu.
IV. Mukanya berkerut-kerut menahan sakit.
- A. I, III dan IV sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
42. I. Gegendang telinganya sakit tercucuk benda tajam.
II. Pepohon di tepi padang itu sungguh rendang..
III. Dedaun berguguran apabila ditiup angin.
IV. Tetupai rumahnya rosak dimakan anai-anai.

- A. II dan III sahaja
- B. III dan IV sahaja
- C. I dan II sahaja
- D. I, II dan IV sahaja

Soalan 43 dan Soalan 44

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud saling.

43. I. Dalam pergaduhan itu, mereka salah-menyalahkan antara satu dengan yang lain.
II. Pembeli itu sedang tawar-menawar harga barang dengan penjual itu.
III. Budak kecil itu meronta-ronta dalam pelukan ibunya.
IV. Ayah memusing-musingkan tombol pintu itu untuk membetulkannya.
- A. I dan III sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I dan II sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja
44. I. Murid-murid itu bertolak-tolakan sewaktu membeli makanan.
II. Amalan ziarah-menziarahi sudah menjadi kebiasaan masyarakat Malaysia.
III. Kedua-dua petinju tumbuk-menumbuk untuk menumbangkan lawan.
IV. Yusri meniru-niru bentuk gambar itu.
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

Soalan 45 hingga Soalan 47

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.

45. I. Permukaan meja itu sungguh licin.
II. Mesyuarat itu dijalankan dengan licin sekali.
III. Jalan raya menjadi licin selepas hujan turun.
IV. Habis licin makanan dalam pinggan itu.
- A. II, III dan IV sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

46. I. Hangat kepanasan rumah terbakar itu dapat dirasakan dari sini.
II. Air itu masih hangat lagi.
III. Isu hangat itu masih diperkatakan orang.
IV. Hangat sungguh sambutan penonton di Stadium Negara.
- A. II dan IV sahaja
B. I dan III sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II dan IV sahaja
47. I. Gelombang radio tidak dapat diterima di kawasan itu.
II. Gelombang telinganya rosak akibat terjolak benda tajam.
III. Penjual itu menggunakan gelombang lama semasa menimbang ikan.
IV. Karamnya kapal itu kerana dipukul gelombang besar.
- A. I dan III sahaja
B. I dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja

Soalan 48 hingga Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang betul.

48. I. Sejak tadi ayah termenung memikirkan masalahnya.
II. Rumah buruk itu ditinggal oleh seorang lelaki tua.
III. Pokok itu tumbang dipukul ribut.
IV. Bantuan telah diberikan kepada beberapa buah negara-negara miskin.
- A. I dan III sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II dan IV sahaja
49. I. Bukan saya yang pecahkan pasu bunga itu.
II. Kalau tidak keberatan, datanglah ke rumah saya.
III. Buku itu telah dimasukkan di dalam meja.
IV. Ahmad sudah menerima daripada kakaknya surat itu.
- A. I dan II sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, III dan IV sahaja

50. I. Setengah orang suka bersenam pada waktu pagi.
II. Puan Ramlah ke pekan memperagakan baju barunya.
III. Sebahagian dari wangnya telah habis dibelanjakan.
IV. Mukanya pucat kerana kekurangan zat.
- A. II dan IV sahaja
B. I dan III sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT